



20 APR, 2024

## Jualan Agro MADANI terus dapat sambutan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



**BELI DAGING...** Peniaga, Muhammad Yusran Romli, 42, memotong daging untuk dijual kepada orang ramai yang tidak melepasskan peluang membeli dengan harga murah iaitu RM35 sekiogram pada Program Jualan Agro MADANI di Pasar Tani Guar Chempedak, kelmarin.

• Foto BERNAMA



**REBUT PELUANG...** Orang ramai tidak melepasskan peluang membeli barang keperluan dengan harga murah pada Program Jualan Agro Madani di Pasar Tani Guar Chempedak, kelmarin. • Foto BERNAMA

# Jualan Agro MADANI terus dapat sambutan

YAN: Program Jualan Agro MADANI di Pasar Tani Kekal Guar Chempedak di sini, terus mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengunjung yang datang untuk membeli barang keperluan harian pada harga lebih murah.

Rata-rata yang ditemui teruja dan mahu program itu diteruskan

demi membantu rakyat terutama golongan B40 menerusi penawaran penjimatatan 10 hingga 30 peratus berbanding harga pasaran.

Sabri Said, 35, berkata dia datang sejak 8.30 pagi bagi mendapatkan kupon pembelian sebanyak RM2 hingga RM3 daripada pihak pengurusan bagi membeli barang runcit dan barangan basah.

"Semua murah-murah, saya beli daging sekiogram pada harga RM35 sahaja selepas ditolak kupon diskauan sebanyak RM3 dan ayam pada harga 7.90 sekiogram selepas ditolak diskauan RM2, rasa bertuah dapat tahu ada program jualan murah ini."

"Saya beli banyak jugalah untuk buat stok terutama pembelian set kombo iaitu sebungkus bihun, telur 10 biji, ubi kentang, bawang dan minyak masak sekampit se-kilogram hanya pada harga RM10 berbanding RM15 harga biasa, sangat berbaloi beli di sini," katanya kepada Bernama di sini, kelmarin.

Suri rumah, Hafizoh Kasim, 50, berkata dia membeli daging di sini

kerana lebih murah.

"Saya buat ketupat dengan rendang sebab raya pun tak habis lagi... Bila tau ada program ni saya terus mai beli daging. Dia jual RM38 sekilo, bila dapat kupon dapatlah jimat RM3 untuk sekilo daging."

"Saya juga beli set kombo terdiri beras pulut sekiogram, serbuk kari sepeket dan santan sekotak pada harga RM10 saja berbanding RM15 di luar," katanya yang turut menerima tempahan ketupat palas kecil-kecilan di rumahnya di Ulu Sedaka, di sini.

Jualan Agro MADANI ialah program jualan terus tanpa melalui orang tengah yang membolehkan pengguna menikmati harga 10 hingga 30 peratus lebih murah, namun petani dan peniaga masih dapat meraih keuntungan.

Untuk rekod, program berkonsepkan jualan dari ladang ini dilaksanakan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Lembaga Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKKM). — Bernama



20 APR, 2024

## Jualan Agro MADANI terus dapat sambutan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

BELI DAGING... Peniaga, Muhammad Yusran Romli, 42, memotong daging untuk dijual kepada orang ramai yang tidak melepaskan peluang membeli dengan harga murah iaitu RM35 sekilogram pada Program Jualan Agro MADANI di PasarTani Guar Chempedak, kelmarin. • Foto BERNAMA

YAN: Program Jualan Agro MADANI di Pasar Tani Kekal Guar Chempedak di sini, terus mendapat sambutan menggalakkan daripada para pengunjung yang datang untuk membeli barang keperluan harian pada harga lebih murah.